

DATE: 11 / 8 / 2009



REMAJA bergambar kenangan bersama Dr Mahathir selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Membudayakan Melayu Dengan Keusahawanan: Satu Anjakan Paradigma' di PWTC, semalam

BN boleh menang jika beri khidmat terbaik, tunai janji: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Barisan Nasional (BN) akan meraih kejayaan besar pada Pilihan Raya Umum Ke-13 jika parti pemerintah itu berkhidmat dengan penuh bertanggungjawab dan menunaikan segala janjinya kepada rakyat.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, rakyat negara ini adalah penyokong kuat BN dan sebenarnya pada pilihan raya umum tahun lalu, pengundi berasa sedikit kecewa dengan kerajaan lalu mengundi pembangkang.

"Jika janji yang dibuat tidak ditunaikan, rakyat dalam keadaan kecewa akan mengundi parti lawan. Rak-

yat kita sebenarnya adalah penyokong BN," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Membudayakan Melayu Dengan Keusahawanan: Satu Anjakan Paradigma' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Majlis itu dianjurkan oleh Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem). Turut hadir, Pengerusi Gabem, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Ditanya mengenai hasrat BN untuk merampas semula Selangor daripada Pakatan Rakyat (PR), Dr Mahathir, berkata, beliau menyokong usaha parti berkenaan.

"Bagaimana PR mahu be-

kerjasama sesama mereka sedangkan masih berlaku percanggahan di kalangan mereka. Saya khuatir mereka boleh memerintah negara.

"Cuma Anwar (Penasihat Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim) yang berjaya memeralatkan DAP dan Pas, bagi merealisasikan hasratnya, semua mereka ini digunakan olehnya (Anwar)," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Dr Mahathir, berkata: "Kita (BN) melakukan yang terbaik pada pilihan raya kecil DUN Manek Urai... perlu buat yang terbaik lagi di DUN Permatang Pasir."